

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPAT BELAS DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BT. SURIP (MERBOK)

SOALAN

PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP [MERBOK] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada Kerajaan membuat penilaian dan kajian semula dasar berkaitan dadah dan merangka pendekatan yang lebih holistik terutamanya dari segi penguatkuasaan undang-undang bagi membendung masalah penyalahgunaan dan pengedaran dadah di negara ini yang berada pada tahap kritikal.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Dasar Dadah Negara (DDN) telah dikaji semula dan diluluskan pada tahun 2017. DDN ialah suatu dasar yang holistik dan komprehensif serta boleh digunapakai selaras dengan arus peredaran masa. DDN ini dijadikan sumber rujukan dan panduan utama dalam usaha memerangi dadah di semua peringkat pelaksanaan di seluruh negara. Dasar ini mengandungi 5 teras utama iaitu Teras Pendidikan Pencegahan, Teras Rawatan dan Pemulihan, Teras Penguatkuasaan, Teras Pengurangan Kemudaratan dan Teras Kerjasama Antarabangsa. Pelan Tindakan bagi melaksanakan DDN ini sedang dirangka dan sentiasa ditambah baik dengan kerjasama dan sokongan sepenuhnya daripada 9 Kementerian dan 15 Jabatan/Agensi lain yang terlibat.

Mengenai isu penyalahgunaan di negara ini yang semakin meruncing, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) telah meningkatkan usaha melalui langkah-langkah berikut:

- i. mengkaji pindaan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 bagi meningkatkan pelaksanaan program Rawatan dan Pemulihan kepada penyalahguna dadah dan memantapkan kawalan terhadap Pusat Pemulihan Dadah Persendirian (PPDP) serta klinik swasta supaya mengikut piawaian minima yang telah ditetapkan;
- ii. menggubal Rang Undang-Undang Bahan Khayal (Rawatan dan Pemulihan) 2019 bagi merawat mereka yang menyalahguna bahan khayal seperti gam;
- iii. pemantapan Dasar Dadah Negara bagi melaksanakan Projek Rintis membasmi penyalahgunaan dadah, substan dan pelencongan sosial secara bersepadu di 12 kawasan berisiko tinggi di seluruh negara. Projek Rintis ini membabitkan penyertaan 9 Kementerian, 15 agensi, dan NGO di mana tindakan holistik akan memberi lebih impak positif kepada Jasmani, Emosi, Rohani, Intelek dan Sahsiah komuniti; dan

- iv. kolaboratif bersama pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) bagi memperkasakan komuniti (*Community Empowerment*) dalam menggerakkan serta menjalankan program pencegahan di 178 kawasan berisiko tinggi yang telah dikenal pasti.

Berhubung isu pengedaran dadah, Polis Diraja Malaysia telah membuat penilaian dan merangka pendekatan baru dalam membendung aktiviti pengedaran dadah seperti berikut:

- i. strategi '5M' sebagai teras utama iaitu:
 - a. menentang penyeludupan dadah;
 - b. menyekat penawaran dadah;
 - c. memperhebatkan jaringan nasional dan antarabangsa;
 - d. memperkukuh dan meningkatkan pelaksanaan pelucuthakan harta; dan
 - e. menjadi rakan kepada rehabilitasi.
- ii. menjalankan 'Operasi *Ice Breaker*' bermula pada pertengahan tahun 2019
- iii. melaksanakan 'Operasi Damn Tokan' bagi menggempur rangkaian pengedaran dadah secara agresif.
- iv. melancarkan talian *Whatsapp* 'Hotline JSJN' (012-2087222) yang beroperasi 24 jam bagi membolehkan maklumat pengedaran dadah daripada orang awam disalurkan secara terus kepada Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik, Bukit Aman.